

MELAKA DALAM ZAMAN MODEN

Oleh

KHOO KAY KIM

SEJARAH biasanya dilihat dari jauh atau dari dekat. Kalau dari jauh akan kelihatan suatu keseluruhan, suatu pola yang walaupun kemas dan tersusun masih kurang lengkap kerana tidak ternampak arus yang mengalir di bawah permukaan. Dilihat dari dekat akan ternampak gambar yang tajam, butir-butir yang individu tetapi perspektifnya seringkali amat terbatas. Itulah masalah yang dihadapi apabila seseorang yang ingin menulis sejarah sebuah masyarakat atau negara.

Di sini akan dipilih jalan yang tengah. Namun demikian masih tidak mudah untuk menentukan apakah yang sepatutnya diutamakan dan apa yang boleh diketepikan. Suatu garis panduan mungkin dapat digunakan. Jika sekiranya diandaikan bahawa sejarah tidak sepatutnya dianggap penting *per se* tetapi seharusnya dianggap sebagai suatu cabang ilmu yang dapat memberi makna kepada umum pada zaman kini, maka apa yang lebih menarik ialah ciri-ciri dan perkembangan masyarakat keseluruhannya. Tetapi tulisan seseorang ahli sejarah semestinya bergantung kepada adanya sumber-sumber yang sesuai. Bagi Melaka, di antara penghujung kurun ke 19¹ hingga 1941, banyak bahan yang bernilai telah hilang waktu Pendudukan Jepun. Ini merumitkan kerja seorang sejarawan.

Perlu diakui ahli sejarah tidak banyak memberi perhatian kepada sejarah Melaka yang meliputi zaman sesudah jatuhnya Kerajaan Melayu (pada tahun 1511). Para sejarawan biasanya lebih suka membicarakan yang hidup, mekar dan segar; yang layu, basi dan lapuk dibiarkan luput daripada ingatan. Tidaklah dimaksudkan Melaka selepas tahun 1511 langsung tidak diberikan tempat dalam sejarah Malaysia; hanya tumpuannya bukanlah terhadap masyarakat pribumi. Dari 1511 sehingga awal abad ke 19, sejarah Melaka yang diberi perhatian berkisar di sekitar kegiatan-kegiatan Portugis dan Belanda. Mulai 1824, pentadbiran British di Melaka diutamakan.

Sepanjang abad ke 19, Melaka kian merosot sebagai sebuah pusat perdagangan, iaitu berbanding dengan Pulau Pinang dan Singapura. Faktor ini banyak mempengaruhi sikap ahli sejarah tentang Melaka dalam zaman moden. Seorang Gabenor Negeri-negeri Selat pada pertengahan abad ke 19 pernah berkata:²

¹Pada tahun 1867, Negeri-Negeri Selat, yang diasaskan pada tahun 1826, telah ditadbirkan secara langsung oleh Pejabat Kolonial di London. Di bawah sistem baharu itu, dilantik seorang *Governor* sebagai pegawai *executive* utama, bertempat di Singapura, dan dua orang *Lieutenant-Governor* — seorang di Pulau Pinang dan seorang di Melaka. Pada tahun 1880, gelaran pentadbir utama di Melaka diubah menjadi *Resident Councillor*. Tidak berapa tahun kemudian diwujudkan sebuah *Municipal Commission* di Melaka dengan *Resident Councillor* sebagai Yang Dipertua *ex-officio*. Melaka dibahagikan kepada tiga daerah — Daerah Utara, Daerah Tengah dan Daerah Selatan dengan Alor Gajah, Bandar Melaka dan Jasin sebagai pusat pentadbiran daerah masing-masing.

²E.A. Blundell, 'Notes of the History and Present Condition of Malacca' *Journal of the Indian Archipelago and Eastern Asia* vol. II, 1848, ms. 749—50.

Fallen indeed is Malacca from her once high esteem, when she not only attracted, but commanded the whole trade, such as then existed, of these Eastern Seas . . .

About the middle and latter end of the last century, Malacca was still a place of great commercial importance, being the only European settlement in the Straits, and the whole depot for the produce of the Malayan states, and islands, but towards the close of the century the establishment of Pinang drew off the trade to the northern end of the Straits, and thirty years afterwards the more favourable position of Singapore completed her commercial downfall. She is no longer a depot of trade, and her Imports are wholly confined to articles required for the consumption of the population. . . .

Beberapa orang pelawat zaman itu memberikan pendapat yang lebih kurang sama. J.R. Logan,³ pada tahun 1865, mencatatkan bahawa "the most striking characteristic of the inhabitants is that they have nothing to do apparently. I really saw no one at work all time I was in Malacca. . . ." Tiga puluh tahun kemudian, J. Thompson⁴ mensifatkan Melaka sebagai "a quaint, dreamy Dutch-looking old town" di mana "leisure seems to sit at every man's door; drowsy as the placid sea, and idle as the huge palms whose broad leaves nod above the weather-beaten, snug-looking houses." *Lieutenant-Governor Melaka*, W.W. Cairns, pada tahun 1868, menulis:⁵

Had Singapore not passed out of Native hands it might have fared better with this fine old city, still selected as it is by the Straits Chinese as an agreeable retreat from business when once they have accumulated wealth at Singapore, but not as a money-making place, or in the morning of their shrew and stirring life.

Sebagai sebuah negeri yang bersejarah, maka ramailah pelawat yang dari semasa ke semasa berkunjung ke situ. Tetapi hampir semua pelawat hanya mengambil kesempatan untuk melihat bandar Melaka, maka *impression* yang diperolehi mereka terhadap kepada bandar itu di mana penduduk bukan-Melayu lebih ramai semenjak pemerintahan British ditetapkan pada tahun 1824. Isabella Bird, yang berada di Melaka pada awal 1879, menulis:⁶

³Seorang peguam yang bermastautin di Singapura waktu itu. Beliau adalah penyunting *Journal of the Indian Archipelago and Eastern Asia* (1847–59). Tulisan beliau mengenai Melaka ialah "Journal of an Excursion from Singapore to Malacca and Pinang" *Journal of the Royal Geographical Society*, XVI, 1846.

⁴J. Thompson ialah pengarang *The Straits of Malacca, Indo-China and China; or Ten Travels, Adventures and Residence abroad*, London, 1875.

⁵Colonial Office 273/35, Lt. Gov. Shaw kepada C.O. [Pejabat Kolonial] 2hb. Oktober, 1869; lampiran: Lt. Gov. Cairns kepada Sir Frederic Rogers, 31hb. Oktober, 1868.

⁶*The Golden Chersonese and the Way Thither*, London, 1883, ms. 132.

. . . Malacca is to most intents and purposes a Chinese city. The Dutch . . . have scarcely left a trace. The Portuguese, indolent, for the most part poor, and lowered by native marriages, are without influence, a most truly stagnant population, hardly to be taken into account.

Dan walaupun beliau mendapati bahawa Melaka 'fascinates me more and more daily',⁷ beliau berpendapat Melaka adalah sebuah negeri yang mundur:⁸

. . . the feature of Malacca is that it is featureless! It is a land where it is "always afternoon" — hot, still, dreamy. Existence stagnates. Trade pursues its operations invisibly. Commerce hovers far off on the shallow sea. The British and French mail steamers give the port a wide offing. It has no politics, little crime, rarely gets even two lines in an English newspaper, and does nothing towards making contemporary history.

Oleh kerana Isabella Bird dan pelawat-pelawat lain hanya menghadkan pemerhatian mereka kepada kawasan bandar, pendapat mereka boleh diragukan atau kalau pun mereka berkesempatan melihat kawasan-kawasan luar bandar, oleh sebab mereka hanya memandang dari jauh maka timbul gambaran yang mungkin tidak begitu tepat. Sebagai contoh dapat dibandingkan ulasan Isabella Bird mengenai orang Melayu dan pendapat Munsyi Ibrahim. Menurut Isabella Bird:⁹

. . . the Malay . . . shuns the town, and prefers a life of freedom in his native jungles, or on the mysterious rivers which lose themselves among the mangrove swamps. So in the neighbourhood of Malacca these *kampongs* are scattered through the perpetual twilight of the forest. The people lead strange and uneventful lives. The men are not inclined to much effort except in fishing or hunting, and, where they possess rice land, in ploughing for rice. They are said to be quiet, temperate, jealous, suspicious . . . The women are very small, keep their dwellings very tidy, and weave mats and baskets from reeds and palm-leaves.

Bagi Munsyi Ibrahim anak Munsyi Abdullah, yang berada di Melaka pada tahun 1871, orang Melayu Melaka dianggap sangat rajin dan maju; beliau mencatatkan:¹⁰

Maka seperkara lagi yang menjadi terlalu suka hatiku melihat orang-orang Melayu yang duduk di ulu Melaka itu semuanya rajin belaka, bukannya seperti Melayu-Melayu yang di tempat lain-lain dengan malasnya dan pemalu, serta besar hati. Maka sekalian Melayu dalam Melaka itu hidup

⁷ *Ibid.*, ms. 142.

⁸ *Ibid.*, ms. 130.

⁹ *Ibid.*, ms. 137, 138.

¹⁰ Lihat Mohd. Fadzil Othman, 'Suatu Penilaian Kritis tentang *Kisah Pelayaran Muhammad Ibrahim Munsyi* sebagai Sumber Sejarah' (Tesis M.A., Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 1976), ms. 48-49.

dengan makan usaha tangannya dan bertitik peluh bertanam-tanam dan berkebun dan berdusun dan bersawah dan bertanam segala jenis ubi keladi, sayur-sayur dan sirih dan tebu pisang dan sebagainya. Maka setiap harilah masing-masing ini berulang ke pasar Melaka membawa segala tanam-tanamannya itu, dijual dan membeli pula apa-apa yang patut bagi rumah-tangganya, dipikulnya bawa balik ke rumahnya. Adapun tempat masing-masing itu bukanlah pula dekat, melainkan sepuluh, lima belas mil jauhnya dari Melaka; ada yang dua puluh mil. Bandingan mereka itu adalah seperti China-China yang berkebun-kebun sayur dan berdusun dalam Singapura kerana di Melaka itu, segala pekerjaan yang demikian Melayulah yang bekerja. Maka jaranglah China-China membuat pekerjaan itu dalam Melaka dan lagi pula tiadalah Melayu di ulu Melaka itu membesarkan dirinya atau berpakai-pakai molek, melainkan seluar baju dan kain yang buruk-buruk dan bertampal-tampal belaka, laki-laki perempuannya demikian – berduit belaka – masing-masing dengan kadarnya adalah mempunyai dusun, sawah, kebun dan rumahtangga, tanahair sendiri dan beremas intan belaka. Tetapi tiadalah mereka itu menunjukkan keadaannya atau penat dan malas tidak sekali-kali, melainkan setiap hari rajin dan usaha bekerja itu; laki-laki dan perempuannya rajin belaka.

Kaum lelaki dikatakan "Menebang, menyirat, memintal, memikul, memanjat, mengembala kerbau-lembu, mengangkat yang berat-berat, menyangkul, menggali, menebas, membajak, menyikat, menukang, menambat, menambus, membanting padi, menjual, membeli, mengandar, bertanam-tanam, berbicara, berikhtiar, meraih, mengambil upah, memasak gula, dan sebagainya" dan kaum perempuan "Menabur benih, menyemai, mengubah, menganyam, menumbuk, menendang, menuai, menyapu, membela anak-anak, memasak-masak, menjahit, menekat, memungut, memetik, menampi, mengayak, menggelek, menjunjung, memotong, mengikat, meraut, menyampi dan sebagainya".¹¹

Sumber-sumber yang dapat memberikan suatu perspektif yang lebih persis (seperti *Kisah Pelayaran Muhammad Ibrahim Munsyi*) amat berkurangan. Maka berasaskan kebanyakan pemerian yang diberikan dalam berbagai penerbitan timbulah suatu gambaran perihal Melaka sebagai suatu masyarakat yang sangat kosmopolitan pada hal sehingga awal abad yang ke 20, sebahagian besar penduduk Melaka terdiri daripada orang Melayu. Menurut pendapat sezaman:¹²

The rural areas were peopled almost exclusively by Malays but Malacca town was more cosmopolitan. Of its population of 12,000, the Chinese numbering 4,000 to 5,000 were the largest single community. In addition there were more than 3,000 Malays and about 2,000 southern Indians.

Pada waktu Negeri-negeri Selat ditubuhkan, Melaka, yang pada masa itu merupakan petempatan yang paling besar (berbanding dengan Pulau Pinang dan Singapura) mempunyai lebih kurang 31,000 penduduk dan dua-pertiganya terdiri

¹¹ *Ibid.*, ms. 49.

¹² Lihat C.M. Turnbull, *The Straits Settlements 1826-67*, London, 1972, ms. 16.

daripada orang Melayu.¹³ Seterusnya, perkembangan Pulau Pinang dan Singapura mencapai kadar yang jauh lebih pesat. Di antara 1824 dengan 1860, bilangan penduduk Singapura telah meningkat naik lapan kali ganda — dari 10,000 hingga 81,000. Dan menjelang 1860, Pulau Pinang mempunyai 58,000 penduduk; ini tidak termasuk 67,000 di Province Wellesley. Sebahagian besar penduduk Province Wellesley sebenarnya adalah pengungsi dari Kedah yang telah diserang dan ditakluki oleh Negeri Siam pada tahun 1821. Bilangan penduduk di Melaka pada tahun 1860 berjumlah 68,000 dan tujuh puluh lima peratus terdiri daripada orang Melayu. Sehingga awal abad ke 20, keadaan itu tidak berubah.¹⁴ Menurut laporan Banci 1901, Melaka mempunyai 95,000 orang penduduk; orang Melayu berjumlah 73,000.¹⁵

Setakat itu dapat dilihat bahawa kadar tambahan penduduk adalah lebih kurang 25 hingga 30 ribu orang setiap tiga puluh tahun. Dan imigrasi bukanlah faktor utama yang mengakibatkan tambahan penduduk Melaka kerana nisbah di antara orang Melayu dengan orang bukan-Melayu tidak berubah. Kenyataan ini juga bererti Melaka tidak mengalami pembangunan ekonomi yang penting. Walaupun seawal 1855 telah ada usaha menanam ubi kayu untuk perniagaan dan pada tahun 1862 dilaporkan bahawa "tapioca has been extensively planted, the average yield from one hundred square yards being about nine pikuls, producing one pikul of pure tapioca, of which the market price is at present 2 dollars",¹⁶ penanaman padi tetap merupakan pekerjaan yang utama dan diusahakan oleh orang Melayu.¹⁷

Sepanjang kurun ke 19, Melaka tetap dianggap sebagai sebuah pusat perdagangan walaupun peranannya sudah berubah. Sehingga penghujung abad yang ke 18, Melaka adalah sebuah pelabuhan yang masih berjaya menarik pedagang-pedagang dari kawasan-kawasan yang berhampiran walaupun dasar monopoli yang diamalkan oleh Belanda menghalang perkembangannya dan Pulau Pinang, Kuala Trengganu dan Riau lebih popular di kalangan pedagang-pedagang dari Eropah. Dengan kemunculan Singapura pada tahun 1819 maka berlaku sedikit sebanyak perubahan pola perdagangan di kawasan Selat Melaka. Singapura menjadi pelabuhan antara-bangsa yang utama yang tidak hanya mengendalikan lalu-lintas perniagaan Barat-Timur, bahkan eksport negeri-negeri Semenanjung pun disalurkan melalui Singapura. Tetapi Singapura kurang mempunyai hubungan secara langsung dengan negeri-negeri Melayu Barat; Pulau Pinang dan Melaka menjadi depot pemungutan perkeluaran negeri-negeri Semenanjung Barat.¹⁸ Peranan sebagai depot pemungutan

¹³ *Ibid.*

¹⁴ *Ibid.*, ms. 14, 17 & 21.

¹⁵ A. Wright & H.A. Cartwright (eds.) *Twentieth Century Impressions of British Malaya*, London, 1908, ms. 837.

¹⁶ R.N. Jackson, *Immigrant Labour and the Development of Malaya 1786–1920*, Kuala Lumpur, 1961, ms. 91.

¹⁷ Wright & Cartwright, *op. cit.*, ms. 837.

¹⁸ Lihat Khoo Kay Kim, *The Western Malay States 1850–1873*, Kuala Lumpur, 1972, ms. 53–58.

bahan-bahan mentah tidak mendatangkan pertumbuhan ekonomi yang begitu penting. Perkembangan-perkembangan yang lebih memberi kesan kepada Melaka berlaku selepas 1880an.

Wujudnya pertadbiran Inggeris di negeri-negeri Melayu merupakan suatu perkembangan yang penting. Pemerintahan Inggeris yang begitu mengutamakan pembangunan ekonomi mulai membina *infrastructure* di Semenanjung Barat pada 1880an.¹⁹ Di antara lain, sistem perhubungan dan pengangkutan dimodenkan. Pada tahun 1903, Prai sudah dihubungkan dengan Seremban melalui keretapi. Pada tahun 1905, jalan keretapi dilanjutkan kepada Tampin dan seterusnya Melaka. Maka pada penghujung tahun 1905, sudah ada perkhidmatan keretapi di antara Kuala Lumpur dengan Melaka.²⁰ Pembinaan jalan juga tidak ketinggalan. Di Melaka sendiri, semenjak tahun 1867 lagi,²¹ telah ditubuhkan Jabatan Kerja Raya dengan seorang *Superintendent of Works*; pegawai itu juga berkhidmat sebagai *Municipal Engineer*.²² Pada awal kurun ke 20, sejumlah 198 batu jalan telah siap dibina di dalam negeri Melaka; di samping itu Melaka telah mempunyai kemudahan telegraf dan telepon²³ Usaha-usaha membina jalan bagi menghubungkan Negeri Sembilan dengan Melaka bermula dalam tahun 1882. Pada pertengahan 1880an sudah disediakan jalan dari Johol ke Kuala Pilah dan seterusnya ke sempadan Melaka; begitu juga Rembau dihubungkan dengan Lubuk China, Melaka.²⁴

Pemodenan sistem perhubungan dan pengangkutan tidak hanya memesatkan penghantaran barang-barang dari Negeri Sembilan ke Melaka, ia menggalakkan pembukaan ladang di kawasan pedalaman Melaka. Maka dalam 1880an, penanaman ubi kayu diperganda-gandakan. Menjelang abad ke 20, seorang saudagar China, Tan Chay Yan, mulai membuka ladang getah di Bukit Asahan. Pada awal abad ke 20, seluas 100,000 ekar tanah di Melaka telah ditanam ubi kayu dan 34,000 ekar ditanam getah. Pada tahun 1905, Melaka mengeksport 3,000 lb. getah; suatu tahun kemudian eksport telah meningkat naik enam kali ganda.²⁵ Pada ketika inilah perkembangan teknologi (terutamanya perusahaan kereta motor) di Amerika melahirkan permintaan untuk getah dan ini merupakan suatu perkembangan lagi yang mendatangkan perubahan kepada Melaka.

Didapati bilangan penduduk di Melaka telah bertambah dengan pesatnya selepas awal abad ke 20. Kenyataan ini dapat dibuktikan dengan merujuk kepada

¹⁹ Lihat Khoo Kay Kim, "Perubahan di Setengah Negeri-Negeri Melayu (1880an)" *Journal of the Historical Society University of Malaya*, jilid VIII, 1969/70.

²⁰ *Fifty Years of Railways in Malaya 1885-1935*, Kuala Lumpur, 1935, ms. 19; Wright & Cartwright, *op. cit.*, ms. 304.

²¹ Akibat perubahan kepada perlembagaan Negeri-Negeri Selat.

²² Wright & Cartwright, *op. cit.*, ms. 314.

²³ *Ibid.*

²⁴ Colonial Office 273/136, Sir F. Weld kepada Sec. of State, 26hb. Disember 1885.

²⁵ Wright & Cartwright, *op. cit.*, ms. 837, 842.

laporan Banci yang memperlihatkan bahawa, di antara 1911 dengan 1921, tambahan peratus bagi orang India di Melaka adalah setinggi 151.1%.²⁶ Ketara sekali orang-orang India diperlukan oleh ladang-ladang getah. Perangkaan untuk tambahan penduduk China juga besar – 29.1%. Di antara 1921 dengan 1931 ia meningkat naik sehingga 42.4%.²⁷ Dan tidak seperti keadaan di beberapa negeri Melayu, kebanyakan orang China di Melaka tinggal di luar bandar:

Bilangan Orang China di Kawasan Banci²⁸

	<u>1911</u>	<u>1921</u>	<u>1931</u>
Melaka Tengah	5,601	8,912	11,869
Alor Gajah	8,318	8,024	13,636
Jasin	8,729	8,074	13,171
	<hr/>	<hr/>	<hr/>
Jumlah	22,648	25,010	38,676
	<hr/>	<hr/>	<hr/>
Municipality (Bandar)	12,802	20,758	26,503

Kalau ditambah angka-angka untuk orang Melayu dan India akan didapati bahawa perbezaan di antara bilangan penduduk bandar dengan bilangan penduduk luar bandar amat besar. Sebagai contoh, perhatikan angka-angka untuk tahun 1921 dan 1931:²⁹

	<u>1921</u>	<u>1931</u>
Municipality (Bandar)	30,671	38,042
Luar Bandar	122,851	148,669

Maka lebih daripada 80% penduduk Melaka tinggal di luar bandar. Perlu disebutkan bahawa selain daripada Bandar Melaka, hanya dua (dalam tahun 1921) dan tiga (dalam tahun 1931) buah petempatan yang mempunyai bilangan penduduk lebih daripada 1,000 orang:³⁰

	<u>1921</u>	<u>1931</u>
Alor Gajah	1,034	1,499
Pulau Sebang	1,568	2,405
Jasin	—	1,379

²⁶ J.E. Nathan, *The Census of British Malaya 1921*, London, 1922, ms. 162. (Seterusnya akan disebutkan sebagai *Census 1921*).

²⁷ C.A. Vlieland, *British Malaya: A Report on the 1931 Census*, London, 1932, ms. 132. (Seterusnya akan disebutkan sebagai *Census 1931*).

²⁸ *Census 1921*, ms. 151; *Census 1931*, ms. 120.

²⁹ *Ibid.*

³⁰ *Census 1921*, ms. 165; *Census 1931*, ms. 134.

Petempatan-petempatan yang begitu kecil tidaklah biasanya disifatkan sebagai bandar.

Selaras dengan sifatnya sebagai sebuah negeri yang lebih *rural daripada urban*, maka ramai penduduknya bergantung kepada pertanian untuk penghidupan — sawah padi dan juga pertanaman ubi kayu dan getah. Sebahagian besar pula bekerja sebagai buruh. Sehingga tahun 1921, bilangan yang bergantung kepada penanaman padi masih besar — 11,540 orang (lelaki dan perempuan), kesemuanya orang Melayu. Terdapat juga 4,292 orang Melayu yang merupakan pemilik atau pengurus ladang, 3,248 orang buruh pertanian tidak termasuk 2,965 orang yang hanya disebutkan sebagai penanam. Nelayan Melayu berjumlah 3,049 orang. Pada keseluruhannya berbanding dengan orang China dan India, bilangan pekerja Melayu dalam pertanian niaga masih kecil. Di kalangan orang China sudah ada seramai 9,317 orang buruh pertanian selain daripada 1,414 orang yang, dalam laporan Banci, hanya disebutkan sebagai penanam tanpa maklumat selanjutnya. Buruh India yang terlibat dalam pertanian berjumlah 12,306.³¹

Pada tahun 1931, ternampak perubahan yang agak radikal di kalangan orang Melayu. Mereka yang masih bergantung kepada penanaman padi hanya berjumlah 1,142 padahal yang terlibat dalam perusahaan getah seramai 12,356 orang (lelaki dan perempuan). Maka dalam tempoh sepuluh tahun, sejak tahun 1921 lagi, beribu-ribu orang Melayu telah bertukar corak hidup mereka — dari ekonomi yang lebih bersifat saradiri kepada ekonomi yang bergantung kepada pasaran dunia. Perubahan masyarakat Melaka dalam jangka masa itu sangat menarik daripada beberapa segi. Sehingga tahun 1911, bilangan dan komposisi ras penduduk Melaka (dengan hanya menghitung tiga kaum yang besar) adalah seperti yang berikut:³³

Jumlah	<u>124,081</u>
Melayu	78,813
China	35,450
India	7,500

Nisbah orang Melayu dengan orang bukan-Melayu adalah lebih kurang 6 : 4. Pada tahun 1921, angka-angka yang diberikan oleh laporan Banci ialah:³⁴

Jumlah	<u>153,522</u>
Melayu	86,451
China	45,768
India	18,833

³¹Census 1921, ms. 227–80.

³²Census 1931, ms. 162.

³³Census 1921, ms. 162.

³⁴*Ibid.*, ms. 148.

Tambahan peratus menurut ras adalah: Melayu 9.6%, China 29.1% dan India 151.1%; nisbah Melayu: bukan-Melayu adalah lebih kurang 5.5 : 4.5. Pada tahun 1931, perangkaan rasmi adalah seperti yang berikut:³⁵

Jumlah	<u>186,711</u>
Melayu	92,088
China	65,179
India	23,238

Maka nisbah Melayu: bukan-Melayu sudah menghampiri 50 : 50.

Walaupun bilangan orang bukan-Melayu tetap meningkat naik dalam tempoh 1921—1931, bilangan orang China yang terlibat dalam pertanian (termasuk perusahaan getah) tidak bertambah iaitu lebih kurang 10,000 orang bergantung kepada pertanian-perusahaan getah pada tahun 1921³⁶ dan pada 1931, seramai 8,268 terlibat dalam perusahaan getah dan 2,770 bekerja sebagai pekebun yang menanam sayur-sayuran serta buah-buahan. Tetapi bilangan orang India yang bekerja sebagai buruh perusahaan getah telah berkurangan: 12,306 orang dalam tahun 1921 dan 10,494 dalam tahun 1931 walaupun keseluruhannya bilangan orang India bertambah.³⁷

Angka-angka yang telah diberikan di atas sekurang-kurangnya menyangkal pendapat bahawa orang Melayu tidak sanggup melibatkan diri dalam ekonomi moden. Tetapi dalam bidang perniagaan dan kewangan, orang China memegang monopoli — seramai lebih kurang 4,700 orang terlibat dalam bidang ini pada tahun 1921 dan 6,568 dalam tahun 1931.³⁸ Perubahan dalam masyarakat Melayu tidaklah bererti keadaannya bertambah baik. Sebagaimana diketahui umum, tempoh 1929—1931 adalah masa kemelesetan ekonomi dunia dan ada bukti menunjukkan bahawa kepincangan masyarakat Melayu Melaka amat ternyata pada ketika itu. Walaupun nisbah orang Melayu: bukan-Melayu adalah 50 : 50 pada waktu itu, menurut laporan Banci 1931, bilangan orang China yang tidak mempunyai pekerjaan tetap ialah 9,764 (5,083 dalam tahun 1921) dan orang India 2,810 (1,159 dalam tahun 1921), padahal seramai 20,118 orang Melayu dikatakan tidak mempunyai pekerjaan tetap berbanding dengan 11,697 dalam tahun 1921.³⁹ Keadaan itu sungguh mendesak dan sesungguhnya telah menimbulkan kegelisahan di kalangan orang Melayu Melaka. Tetapi, sambutan terhadap cabaran itu nampaknya cukup membina.

³⁵ *Census 1931*, ms. 120, 121.

³⁶ *Census 1921*, ms. 289.

³⁷ *Ibid.*, ms. 302; *Census 1931*, ms. 273.

³⁸ *Census 1921*, ms. 292; *Census 1931*, ms. 269. Angka-angka untuk hanya lelaki sahaja.

³⁹ *Census 1921*, ms. 280, 293, 305; *Census 1931*, ms. 265, 269, 273.

Syarikat Guru-Guru Melayu Melaka (yang ditubuhkan pada tahun 1926), misalnya, berjaya "melepaskan ahli-ahlinya dari perangkap Ceti, Bombai, Benggali dan China."⁴⁰ Perkembangan kedai-kedai syarikat menjadi pesat pada masa itu; usaha-usaha itu diadakan kerana kedai-kedai besar di bandar rata-rata dimiliki oleh bangsa asing. Kedai-kedai syarikat dibuka di Pengkalan Rama, Jasin, Alai, Durian Tunggal, Kandang, Teluk Mas dan beberapa tempat lagi. Yang paling terkenal ialah Syarikat Abdul Majid & Co. yang diasaskan pada tahun 1929 di Simpang Empat, Serkam. Syarikat itu terlahir dari usaha orang-orang kampung. Syarikat itu memproses dan menjual hasil-hasil kampung. Padi, kelapa dan getah tidak perlu dijual berasingan lagi di bandar; harga penjualan yang berpatutan juga dapat ditetapkan. Dalam masa tiga tahun sahaja, kedai itu telah diperbesar dengan menambah tiga buah pintu lagi. Kemajuan syarikat itu sampai ke puncaknya pada tahun 1933—ia mempunyai cawangan-cawangan di beberapa tempat iaitu di Umbai, Alor Gajah, Lendu, Jasin, Masjid Tanah dan Sungai Rambai.⁴¹ Sebuah lagi syarikat yang terkenal ialah Syarikat Bukit Katil. Pada tahun 1932, jualan sebulannya melebihi \$1,000. Tetapi, beberapa tahun kemudian syarikat-syarikat itu merosot juga, oleh sebab pengurusannya masih kurang cekap maka kemajuannya tidak dapat dikekalkan.⁴²

Masalah ekonomi-sosial menimbulkan hasrat mahu menyatupadukan umat Melayu. Pada 2hb. September 1932 diterbitkan akhbar *Suara Benar* yang merupakan akhbar Melayu yang ulung pernah diterbitkan di Melaka. *Suara Benar* dikeluarkan tiap-tiap hari Jumaat. Sepanjang 51 bilangan keluarannya, akhbar itu menyentuh soal-soal sosial, ekonomi, agama dan politik. Ia merupakan suara protes orang Melayu Melaka.⁴³ Dalam keadaan yang terhimpit itu, Kaum Muda dan Kaum Tua yang memang sudah lama bertentangan bukan hanya di Melaka sahaja tetapi juga di beberapa tempat di Semenanjung dapat berpadu di Melaka dan pada tahun 1938 melahirkan *Jamiat-ul Dakwa al-Islamiyyah*.⁴⁴ Pada tahun yang sama telah juga wujud Kesatuan Melayu Melaka yang merupakan cawangan Kesatuan Melayu Singapura (tertubuh pada tahun 1926). Di antara 230 orang yang menghadiri perjumpaan pertama di Sekolah Bukit China, kebanyakannya terdiri daripada para wartawan dan intelek didikan Melayu.⁴⁵

⁴⁰Lihat Mohamad Ismail, 'Keadaan Sosial Orang-Orang Melayu Sebelum Perang di Melaka' (Kajian Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 1972), ms. 57.

⁴¹*Ibid.*, ms. 59—60.

⁴²*Ibid.*, ms. 62.

⁴³Lihat Mohamad Ismail, "'Suara Benar' — akhbar Melayu Terawal di Melaka" *Jurnal Sejarah*, jilid XI, 1972/73.

⁴⁴Mohamad Ismail, 'Keadaan Sosial Orang-Orang Melayu & c.', ms. 67. *Jamiat-ul Dakwa al-Islamiyyah* (juga dikenali sebagai Persekutuan Seruan Islam Se Malaya) sebenarnya beribu pejabat di Singapura dan pertubuhan di Melaka itu hanya suatu cawangan sebagaimana ada cawangan-cawangan di negeri-negeri lain. Anggota-anggotanya di Melaka terdiri daripada tokoh-tokoh Kaum Muda seperti Syed Alwi bin Syed Sheikh al-Hadi, Ahmad Jamal, Sharif Suhur dan tokoh-tokoh Kaum Tua seperti Haji Latif bin Haji Thamby, yang menjadi pengerusi, dan Taib bin Haji Hashim, pengarang *Suara Benar*. [Lihat Abdul Aziz bin Mat Ton, 'Gerakan Ansarul Sunnah dalam Kegiatan Kaum Muda Melaka' (Kajian Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 1972), ms. 24—25].

⁴⁵Mohamad Ismail, 'Keadaan Sosial Orang-Orang Melayu & c.', ms. 70.

Begitulah secara ringkas beberapa aspek perkembangan sejarah Melaka yang lebih dinamis. Jelas sekali masyarakat Melaka mempunyai ciri-ciri yang tersendiri. Walaupun masyarakatnya bersifat majemuk, penduduk-penduduk mendatang lebih bersifat *rural* daripada *urban* tidak seperti golongan imigren di Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Kaum pribumi pula, selepas 1910an, lebih banyak bergantung kepada pertanian niaga daripada ekonomi tradisi-saradiri (penanaman padi). Dan selepas Perang Dunia I terdapat ramai orang Melayu yang tidak mempunyai pekerjaan tertentu.

Di sini timbul beberapa pertanyaan yang masih belum dapat dijawab dengan jelasnya, iaitu mengapakah kedudukan ekonomi orang Melayu begitu lemah dan apakah akibat kepincangan masyarakat mereka. Juga tidak kurang pentingnya ialah sejauh manakah kemiskinan mendesak orang Melayu Melaka untuk melibatkan diri dalam politik. Memang diketahui bahawa ada individu-individu di Melaka yang terlibat dalam politik radikal seperti Salleh bin Sapie dari Pengkalan Balak yang dilaporkan terpengaruh oleh gerakan komunis pada awal 1930⁴⁶ dan Kesatuan Melayu Muda juga berjaya menarik sebilangan guru-guru Melayu (contohnya Mohd. Isa Mahmud) ke dalam pertubuhannya.⁴⁷ Juga tidak jelas ialah apakah kesan-kesan yang lebih konkrit perpindahan ekonomi orang Melayu dari sifat saradiri kepada sifat perniagaan. Kesemua itu menunjukkan bahawa penyelidikan yang lebih luas, lagi mendalam, perlu dijalankan supaya sejarah Melaka dalam zaman moden tidak tenggelam di dalam lautan kejahilan dan bagi memahami juga mengapa selepas Perang Dunia II Melaka adalah sebuah pusat perkembangan politik radikal.

Melaka memang mempunyai sejarah yang tersendiri. Pandangan bahawa tiada apa-apa mustahak yang berlaku di *sleepy hollow* itu memang tidak dapat dipertanggungjawabkan. Bagi pemerhati luar hanya suatu perkembangan moden sahaja yang dianggap menarik iaitu kemunculan Melaka sebagai sebuah pusat perusahaan getah. Seawal 1935, salah seorang pelawat Eropah menulis tentang Melaka:⁴⁸

The position has changed materially, and for the better, since rubber was introduced into Malaya and became one of three major industries. The greater part of the Settlement of Malacca is covered with huge rubber estates, which still hope for a revival of the booms that swept the Peninsula from time to time in the past. They are shouldering the present economical depression courageously, their faith in the future undimmed. The sun may shine again upon them. Fortunately, the new era of prosperity came to a population blessed with infinite traditions and strongly rooted in the past ages. Even the various rubber booms were absorbed without destroying the attitude of decent and orderly calm in the pursuit of wealth. This provides one of the abiding charms of Malacca.

⁴⁶Lihat Khoo Kay Kim, "Keterlibatan Orang-Orang Melayu dalam Persatuan-persatuan Sulit" *Jurnal Sejarah*, Jilid XIV, 1976/77, ms. 67-68.

⁴⁷Abd. Malek Hj. Md. Hanafiah, 'Sejarah Perjuangan Kesatuan Melayu Muda' (Kajian Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1974/75), ms. 189-190.

⁴⁸W. Robert Foran, *Malayan Symphony*, London, 1935, ms. 61.

The rubber industry's decline is being met without undue moaning at an evil fate. Malaccans refuse to be shaken from their calm and optimistic outlook upon life, either by booms or depressions in commerce.

Tetapi sejarah yang hanya menitikberatkan aspek ekonomi ataupun politik sahaja sudah tentu kurang lengkap. Pembahagian yang lazim dibuat oleh para sejarawan — iaitu politik, sosial dan ekonomi — memang menggampangkan penyelidikan dan penulisan; ia memberi kesempatan kepada ahli sejarah untuk memberi tumpuan kepada satu perkara yang tertentu supaya subjek pengkajiannya dapat dikendalikan dengan lebih kemas. Yang perlu disedari ialah pembahagian itu adalah *artificial*. Kajian-kajian yang lebih terbatas sekopnya atau yang berbentuk mikro memang penting; tetapi setiap kajian itu dengan sendirinya tidaklah lengkap. Hanya setelah banyak serpihan dapat dikumpulkan baharulah satu gambaran yang menyeluruh dapat dibina.